



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN, MALAYSIA SUKU TAHUN KEDUA 2025

Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Malaysia meningkat 1.0 peratus pada Suku Tahun Kedua 2025

PUTRAJAYA, 6 Ogos 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia, pada hari ini menerbitkan satu laporan **INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP), SUKU TAHUN KEDUA 2025**, yang mengukur perubahan harga pengeluar bagi sektor perkhidmatan tempatan di Malaysia. IHPRP mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 1.0 peratus pada suku kedua 2025, berbanding peningkatan 0.6 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan dalam kenyataannya, “Indeks Kesenian, hiburan & rekreasi meningkat 4.5 peratus peningkatan sederhana berbanding 6.6 peratus pada suku tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh Aktiviti hiburan & rekreasi lain (1.9%). Indeks Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman juga meneruskan trend peningkatannya, meningkat sebanyak 3.6 peratus, sama seperti suku pertama 2025. Peningkatan ini disokong oleh peningkatan indeks Restoran dan aktiviti perkhidmatan makanan bergerak (4.2%) dan Aktiviti perkhidmatan minuman (2.7%). Indeks lain yang mencatatkan peningkatan adalah Pendidikan (1.3%), Kesihatan (0.6%) dan Profesional (0.5%).”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, “Sebaliknya, indeks Pengangkutan merekodkan penurunan 0.8 peratus, penyusutan yang lebih kecil berbanding penurunan 3.1 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya. Penurunan ini terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam indeks Pengangkutan penumpang udara (-4.8%). Indeks Aktiviti hartanah turut mencatatkan penurunan perlahan 0.1 peratus, selepas mencatatkan peningkatan 0.1 peratus pada bulan sebelumnya. Penurunan ini dipengaruhi oleh indeks

Aktiviti hartanah atas dasar bayaran kontrak (-0.1%). Sementara itu, indeks Maklumat & komunikasi pula kekal tidak berubah.”

Ketua Perangkawan Malaysia mengulas lanjut, “Pada asas suku tahunan, IHPRP mencatatkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus, mengekalkan kadar yang sama seperti yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh indeks Kesenian, hiburan & rekreasi (2.0%) dan indeks Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman (0.6%). Sementara itu, indeks Pengangkutan dan Pendidikan masing-masing mencatatkan peningkatan 0.3 peratus. Indeks lain yang turut menyumbang kepada peningkatan sederhana secara keseluruhan adalah Kesihatan (0.2%) dan Profesional (0.1%). Namun begitu, indeks Maklumat & komunikasi dan Aktiviti hartanah kekal tidak berubah pada suku tahun ini.”

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jadual 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Suku Tahun Kedua 2025

Subsektor	Indeks			Peratus Perubahan (%)	
	ST2 2024	ST1 2025	ST2 2025	ST2 2025/ ST1 2025	ST2 2025/ ST2 2024
JUMLAH	115.7	116.5	116.9	0.3	1.0
Pengangkutan	109.0	107.8	108.1	0.3	-0.8
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman	154.3	158.9	159.9	0.6	3.6
Maklumat & komunikasi	101.0	101.0	101.0	0.0	0.0
Aktiviti hartanah	127.9	127.8	127.8	0.0	-0.1
Profesional	104.7	105.1	105.2	0.1	0.5
Pendidikan	119.0	120.1	120.5	0.3	1.3
Kesihatan	108.1	108.6	108.8	0.2	0.6
Kesenian, hiburan & rekreasi	113.2	116.0	118.3	2.0	4.5

Carta 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Suku Tahunan ST1 2022 – ST2 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
6 OGOS 2025